

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
RAJA AZMI BINTI RAJA SULAIMAN,  
PELAKON, PENULIS, PENGARAH DAN PENERBIT TELEVISYEN  
DAN FILEM MALAYSIA  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU DALAM DUNIA HIBURAN**

**NADIATUL NASRIAH BINTI ZUBAIDI**

**(2021101519)**

**NURUL ATIKAH BINTI ABD ROHIM**

**(2021189929)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER MAC 2022 – OGOS 2022**

	<b>Isi Kandungan</b>	<b>M/S</b>
	Abstrak	i
	Penghargaan	ii
	Senarai Singkatan	iii
1.0	Biodata Penemubual 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penemubual Kedua	1
2.0	Biodata Tokoh 2.1 Biodata Tokoh 2.2 Pengenalan kepada tokoh	3
3.0	Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	6
4.0	Kajian Literatur	7
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	8
6.0	Log Temubual	60
7.0	Indeks	71
8.0	Bibliografi	75
9.0	Lampiran 9.1 Biografi Tokoh 9.2 Surat Perjanjian 9.3 Senarai Soalan 9.4 Diari Penyelidikan	76

## ABSTRAK

*Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang merupakan seorang pelakon, penulis, pengarah dan penerbit televisyen dan filem Malaysia iaitu Raja Azmi binti Raja Sulaiman yang berasal dari Kuala Kangsar, Perak. Temubual telah dilakukan antara tokoh dan pelajar untuk mengetahui tentang perkembangan beliau dalam dunia hiburan yang hampir 39 tahun. Temubual tersebut dijalankan secara atas talian iaitu menggunakan platform Google Meet dan tarikh temubual tersebut adalah pada 18 Jun 2022, bermula pada jam 4 petang sehingga 6 petang. Raja Azmi binti Raja Sulaiman ialah seorang yang dikenali dengan animasi 'Anak-Anak Sidek' pada hujung 90-an. Selain menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang tokoh yang mempunyai banyak pengalaman dalam dunia hiburan ini, projek sejarah lisan ini telah meminta beberapa pendapat peribadi beliau berkaitan industri seni di negara kita. Kajian ini turut meminta pendapat beliau terhadap perbezaan artis-artis semasa era beliau dan masa kini. Kajian ini bukan sahaja melalui Puan Raja Azmi sendiri, malah ianya juga turut diperolehi dari beberapa sumber yang lain. Implikasi kajian ini adalah terutamanya kepada pengkaji, pelajar dan orang awam. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharap masyarakat luar terutamanya generasi pada masa sekarang akan lebih mengenali dengan lebih lanjut dan mendalam tentang tokoh Raja Azmi binti Raja Sulaiman.*

## KATA KUNCI

Penerbit, Anak-Anak Sidek, Pelakon, Filem, Drama.

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Di kesempatan ini, kami ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pensyarah mata pelajaran Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604), Puan Nurulannisa Binti Abdullah atas bimbingan dan dorongan sepanjang proses menyiapkan tugas ini. Pensyarah juga memberi rujukan yang jelas tentang etika penulisan tugas yang diberikan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada keluarga tercinta terutama ibu bapa yang banyak menyumbang dari segi sokongan moral dan fizikal sepanjang proses pembelajaran. Mereka juga memberikan kami persekitaran pembelajaran yang kondusif dan selesa. Dengan bantuan mereka, kami berjaya menarik diri daripada masalah serta menyelesaikan tugas ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua rakan sepasukan saya yang sudi membimbing antara satu sama lain melalui proses dalam meningkatkan pemahaman kami tentang penilaian. Secara maya, kami berbincang bersama mengenai penilaian ini. Kami sentiasa bersoal jawab antara satu sama lain untuk menimba ilmu yang lebih baik.

Akhir kata, jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Justeru, kami berjaya menyiapkan tugas ini. Kami sedaya upaya mencari sumber yang boleh dipercayai dalam menyiapkan dan semoga tugas ini mengikut spesifikasi yang betul yang diperlukan.

Terima kasih.

## **SENARAI SINGKATAN**

PRA : Puan Raja Azmi

NN : Nadiatul Nasriah

NA : Nurul Atikah